

07/10/2000

Isna patut rasa malu

Pemerhati UIA

KITA mengalu-alukan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang berasa tidak tersinggung dengan penarikan jemputan kepadanya untuk berucap di majlis Persatuan Islam Amerika Utara (Isna).

Sebenarnya, Isna yang patut berasa malu terhadap tindakan mereka yang kebuda-budakan terhadap seorang negarawan yang dianggap terunggul, bukan saja di kalangan negara Islam tetapi semua negara sedang membangun di dunia.

Adakah Perdana Menteri atau rakyat Malaysia tersinggung dengan penarikan jemputan itu?

Sudah tentu tidak seperti yang telah dijelaskan oleh Dr Mahathir.

Jika diteliti dan halusi siapa sebenarnya ahli-ahli Isna ini, mereka terdiri daripada orang yang berasal dari negara-negara Islam yang miskin, kemudian memilih untuk terus tinggal di Amerika Utara oleh kerana tidak sanggup pulang ke negara masing-masing.

Semasa Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi Presiden Universiti Islam Antarabangsa (UIA), ada di kalangan mereka yang memegang jawatan terpenting dalam pentadbiran UIA.

Pada waktu itulah mereka menggunakan segala kemudahan yang disediakan oleh kerajaan untuk kepentingan 'puak' mereka.

Sebagai seorang Melayu, saya berasa malu kerana yang berkuasa di UIA pada waktu itu adalah orang luar yang menggunakan Islam untuk kepentingan mereka.

Syukurlah, kebanyakan mereka telah lari ke Amerika Utara kerana UIA sekarang di bawah pentadbiran anak tempatan yang berkebolehan.